

**Teks Ucapan**

**Brig.Jen Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin**

**Naib Canselor**

**Sempena Seminar Integriti & Akauntabiliti Pengurusan UniMAP  
Pada 27 Mei 2013 Bertempat Di Auditorium Perpustakaan Tuanku  
Syed Faizuddin Putra, Kampus Induk, Pauh Putra**

\*\*\*\*\*

Bismillah Hirrahman Nirrahim

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Hajah Sutinah binti Sutan, Timbalan Ketua Pengarah (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd Yusof bin Akope, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negeri Kedah

Yang Berbahagia Tuan Alias bin Darus, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negeri Perlis

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,  
Para Peserta Seminar yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Selamat Pagi. Good Morning,  
Zao Shang Hao, Kalai Vanakkam.

### **KATA ALUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian “Seminar Integriti dan Akauntabiliti Pengurusan UniMAP” Peringkat Universiti Malaysia Perlis.
2. Saya mewakili seluruh Warga UniMAP ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli panel Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia, dan Yang Berbahagia Dato’ Hajah Sutinah binti Sutan, Timbalan Ketua Pengarah (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana sudi melapangkan masa, hadir bagi perkongsian maklumat pada pagi ini. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berbahagia Datuk berdua amat besar ertinya buat UniMAP.
3. Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan buat ahli-ahli jawatankuasa dan kakitangan yang terlibat dalam Seminar ini baik secara langsung mahupun tidak langsung sekaligus memastikan kejayaan penganjuran Seminar Integriti dan Akauntabiliti Pengurusan UniMAP kali ini. Syabas dan tahniah dari saya.

4. Harapan saya, agar penganjuran seminar seumpama ini akan menjadi jambatan penghubung antara UniMAP dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). In sha Allah.

Hadiran dan Hadirat Sekalian,

### **SEMINAR INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI**

5. Saya yakin tujuan Seminar Integriti dan Akauntabiliti ini diadakan adalah selaras dengan seruan kerajaan untuk membentuk modal insan sektor awam yang cekap, mahir dan berkaliber. Selain itu, seminar ini bertujuan bagi memperkukuhkan lagi jatidiri para peserta terhadap agama, bangsa dan tanah air.
6. Tuan-tuan dan puan-puan adalah aset negara paling berharga. Sehubungan itu, pembangunan modal insan merupakan satu cabaran terbesar kepada negara dan tidak terkecuali juga bagi UniMAP. Sekiranya kita ingin melangkah ke era globalisasi berpaksikan pengetahuan dengan lebih yakin serta ingin menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan mestilah menjadi agenda yang perlu diberikan keutamaan.
7. Seiring dengan perubahan dalam era globalisasi ini, di mana pembangunan lebih tertumpu kepada kemajuan manusia, kejayaan dalam bidang ekonomi, kebendaan termasuk juga tahap penguasaan dalam bidang teknologi sematamata. Penumpuan bagi pembangunan kepada perkara yang saya sebutkan tadi sebenarnya semakin lama semakin mencabar integriti di peringkat diri

mahupun di peringkat institusi sama ada dari segi moral ataupun undang-undang.

8. Nilai integriti semakin dipandang enteng oleh kebanyakan kita bila mananya hanya sekadar meniti dibibir tanpa perlu dipraktikkan. Malah ada suara-suara sumbang yang senantiasa cuba untuk merendah-rendah mereka yang berpegang kepada nilai integriti. Malahan mereka ini sewenang-wenangnya melabel pegawai berintegriti sebagai penakut atau ikut buku dalam erti kata lainnya 'skema'.

### **STATISTIK SPRM – ISU RASUAH**

9. Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sebanyak 701 tangkapan telah dibuat keatas kesalahan jenayah rasuah bagi tahun 2012. Daripada jumlah ini didapati 288 orang atau sebanyak 41.1 peratus adalah penjawat awam dan seramai 413 orang atau 58.9 peratus adalah orang awam. Statistik ini merupakan statistik daripada jumlah tangkapan yang di buat oleh SPRM. Bagaimana pula dengan kesalahan yang tidak dapat dikesan oleh SPRM? Sudah semestinya jumlah mereka yang memberi dan menerima rasuah adalah melebihi jumlah tangkapan yang disebut di atas.

- 10.** Rasuah... apa itu yang dikatakan rasuah? Bagaimana hendak klasifikasikan sesuatu pembuatan tersebut adalah rasuah. Rasuah ialah satu bentuk pemberian berupa sogokan yang diberikan kepada seseorang atas sebab tertentu bagi membolehkan sesuatu perkara yang dihajati dapat diperolehi atau dapat disegerakan dan sebagainya. Rasuah dalam perkataan lain adalah sogokan, makan suap, tumbuk rusuk yang merupakan perkara haram dalam agama Islam seperti firman Allah swt dalam surah Al –

Baqarah ayat 188 yang tafsirnya:- ***Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, pada hak kamu mengetahui salanya.***

11. Malah Rasulullah saw sendiri melaknat mereka yang memberi dan menerima rasuah seperti sabdanya yang bermaksud:- ***Dari Abdillah bin Amru Radiallahuanhuma ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam mlaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah – (Riwayat Al – Imam At – Tarmizi).***
  
12. Mengapa rasuah terjadi? Ianya terjadi kerana kurang atau tiada langsung nilai integriti dalam diri pegawai atau orang perseorangan tersebut. Kita perlu ingat dan mengingatkan diri kita sendiri, jika integriti dan akauntabiliti tidak lagi di pandang sebagai salah satu pegangan dalam kita menjalankan tugas, perkhidmatan kita di dalam universiti ini bukan lagi mendatangkan kebaikan malah boleh meruntuhkan institusi pendidikan yang di bina selama ini.
  
13. Jika imej yang buruk kita tunjukkan, kepercayaan masyarakat luar terhadap institusi pendidikan ini akan hilang dan sudah pasti anasir-anasir luar yang senantiasa mencuba untuk merosakkan institusi ini tidak akan

duduk senang dan akan cuba mempersoalkan segala usaha dan perkhidmatan yang kita laksanakan.

- 14.** Integriti dan akauntabiliti yang tinggi dalam jatidiri seseorang penjawat awam sangatlah penting dalam usaha memastikan segala halatuju visi dan misi kerajaan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan jayanya. Oleh itu saya menyeru kepada semua pegawai yang berada dihadapan saya pada hari ini supaya menjalankan tugas dengan penuh integriti dan ikhlas. Jika kita melaksanakan tugas dengan mengabaikan integriti dan mengadaikan akauntabiliti, kita bukan sahaja boleh di persoalkan dan di ambil tindakan di dunia ini, malah akan dihisab di akhirat nanti. Oleh itu, sama-samalah kita bermuhasabah diri dengan tanam dan tingkatkan akauntabiliti dan integriti diri kita.

**“ Anda Boleh Lakukan Perubahan, PERANGI Rasuah, Integriti Amalan  
Kita”**

## **PENUTUP**

Akhir Kata, sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli panel iaitu Yang Berbahagia Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia, Yang Berbahagia Dato’ Hajah Sutinah binti Sutan, Timbalan Ketua Pengarah [Pencegahan] Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang sudi meluangkan masa bersama dengan kita pada hari ini.

Harapan saya, dengan penganjuran seminar ini akan memberi sejuta makna seribu manfaat dan dijadikan tauladan serta sempadan buat kita semua dalam mengharungi rutin pekerjaan.

Dengan lafaz “Bismillah Hirrahman Nirrahim”, saya dengan ini merasmikan “Seminar Integriti dan Akauntabiliti Pengurusan UniMAP” Peringkat UniMAP Bagi Tahun 2013.

**Dari Kargar Menuju Ke Santan  
Niat Dihati Mencari Cili  
Hendaklah Baik Membela Badan  
Di Dalam Badan Adanya Diri**

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah

ملاسلنا مكيلاء بتاكر بوالله الة محرو